

6) TAJUK : KADAR PEMILIKAN / SEWAAN RUMAH

Adun : Y.B. Tuan Danial Al-Rashid Bin Haron Aminar Rashid (Batu Tiga)

Kategori : Lisan

Sesi : 1 (2026)

Sub soalan :

- a) Apakah kerajaan mempunyai data peratus rakyat menyewa dan memiliki rumah?

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor (LPHS) tidak mempunyai data khusus bagi jumlah peratus rakyat Negeri Selangor yang menyewa dan memiliki rumah bagi semua jenis kediaman. Walau bagaimanapun, secara keseluruhannya berdasarkan laporan rasmi Jabatan Perangkaan Malaysia tahun 2024 bagi Negeri Selangor yang bersifat lebih urban dan pesat membangun, kadar pemilikan rumah adalah lebih rendah berbanding purata nasional, iaitu sekitar 71.9%, sekali gus menunjukkan peratusan penyewa yang lebih tinggi untuk semua jenis kediaman.

Walaupun bagaimanapun, berdasarkan data rasmi Skim Smart Sewa di bawah Perumahan Hartanah Selangor Sdn Bhd (PHSSB), sebanyak 878 unit Rumah Selangorku telah disewakan kepada orang awam di seluruh Negeri Selangor. Kerajaan Negeri menjangkakan angka ini akan terus meningkat selaras dengan usaha penambahan unit dari semasa ke semasa, termasuk sasaran untuk memperluaskan pelaksanaan skim ini pada masa hadapan. Manakala daripada sudut pemilikan rumah, sehingga Mac 2026, sebanyak 104,977 unit Rumah Selangorku telah diberi penawaran kepada pembeli.

- b) Selain rumah Selangorku, apakah kerajaan bersedia membantu rakyat memiliki rumah melalui skim bantuan untuk membeli rumah dengan pemaju terutama rumah yang tidak dapat terjual?

Sehingga kini, Kerajaan Negeri tidak mempunyai sebarang skim bantuan penyelesaian berkaitan unit rumah yang masih tidak terjual. Walau bagaimanapun Kerajaan Negeri sentiasa komited dalam memastikan rakyat berpeluang memiliki kediaman yang selesa dan mampu milik. Selain inisiatif Rumah Selangorku, Kerajaan Negeri sememangnya bersedia untuk meneroka

dan memperkukuhkan skim bantuan pemilikan rumah melalui kerjasama strategik bersama pihak pemaju.

Sebarang pelaksanaan skim baharu ini akan mengambil kira aspek kemampuan kewangan Kerajaan Negeri, kepentingan rakyat, serta memastikan ia dilaksanakan secara telus, berimpak tinggi dan mampan dalam jangka panjang. Kerajaan Negeri akan terus memperhalusi dasar perumahan sedia ada agar lebih inklusif dan responsif terhadap keperluan semasa rakyat.



